



**PRESS RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**Advocacy Session on**  
**"Public Procurement and Bid Rigging"**

---

Date: November 2018

1. Bidding or also widely called tendering, is an important process in public procurement which aims to ensure good value for money, efficient use of government resources and prudent government spending. Unfortunately, we cannot assume that competition process comes naturally. The OECD and many studies have reported that bid rigging can increase the costs of goods and services up to 20% or more. In developing countries, the added cost could be 35% to 55% higher. This was highlighted by Yang Mulia Dr Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Permanent Secretary (Economy), Ministry of Finance and Economy in an Advocacy Session *on "Public Procurement and Bid Rigging"*, attended by Chairman and members of the Competition Commission of Brunei Darussalam, members and secretariat of the State Tender Board as well as Mini Tender Boards from various Ministries, counsels from the Attorney General Chamber and senior officials from the Department of Economic planning and Development.
  
2. In her opening remarks, Yang Mulia Permanent Secretary shared that Brunei Darussalam's economy is still largely dependent on government driven projects. In 2017, the estimate of public procurement activity is valued at around 19 per cent of the GDP. This is a significant proportion, which deserves attention as it has implications on not only to a well-functioning government which can efficiently use resources, but

also the efficiency of the sectors involved in the supply chain from inputs, to outcomes. All these activities have implications to a well-functioning economy. It is therefore important to be aware, learn to detect and prevent rigging in a tender or collusive bidding, which may result in inflated prices as well as goods and services with lower quality. When bid-rigging impacts public procurement, it may cause great harm to the government expenditure.

3. Yang Mulia Permanent Secretary cited few cases in the OECD countries which have proved that improvement of procurement procedures has led to significant savings in a number of countries. Hence, it is important to learn and be aware of bid-rigging conducts to counteract its risk to safeguard our government expenditure.
4. This is in fact a mandate entrusted by His Majesty in the 11<sup>th</sup> Legislative Council Meeting Titah, which has time and again underscored the need for the public service to practice prudent spending and focus on cost-effectiveness. Not having an effective procurement process to prevent collusive activities in the tendering process, specifically bid rigging, is no longer an option, with the introduction of Competition Order 2015. This is one of the priorities in preparing towards the enforcement of the prohibition of the Competition Order, 2015. While detecting bid rigging is not easy, what we can do is to learn how to detect and also undertake preventive measures and improve efficiency in the public procurement process.
5. The session was delivered by competition expert, Dr. Hassan Qaqaya, former head of the Competition and Consumer Policies Branch at the United Nations Conference in Trade and Development (UNCTAD) and Senior Fellow at the University of Melbourne. With decades of experiences in competition and consumer protection field, Dr. Hassan recommended transparency to enhance efficiency in the public procurement process and the need for capacity building and training for government officials involved in the procurement of goods and services to ensure that the government continues to procure quality goods and services with good value for money and maintain prudent spending. Dr Hassan also suggested to explore the use of e-procurement and other technologies to prevent collusive tender.

6. The session was organised by the Department of Economic Planning and Development, Ministry of Finance and Economy through the Department of Competition and Consumer Affairs on Thursday, 1<sup>st</sup> November 2018 at the Ministry of Finance and Economy Theatre Hall.



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Sesi Advokasi**  
**“Perolehan Awam dan Tipuan Bidaan”**

---

Tarikh: November 2018

1. Bidaan atau juga lebih dikenali sebagai tender, merupakan proses penting di dalam perolehan awam yang bertujuan untuk memastikan nilai harga yang terbaik, penggunaan sumber Kerajaan yang cekap dan perbelanjaan yang berhemah. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menganggap bahawa proses persaingan hadir secara semula jadi. OECD dan beberapa kajian lain telah melaporkan bahawa amalan tipuan bidaan boleh meningkatkan kos barang dan perkhidmatan sehingga 20% atau lebih. Di negara-negara yang sedang membangun, kos ini boleh bertambah ke 35% sehingga 50%. Perkara ini ditekankan oleh Yang Mulia Dayang Dr Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa Sesi Advokasi “Perolehan Awam dan Tipuan Bidaan”, yang dihadiri oleh Pengurus dan ahli-ahli Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, ahli-ahli dan sekretariat Lembaga Tawaran Negara dan Lembaga Tawaran Kecil daripada pelbagai Kementerian, dan pegawai-pegawai kanan daripada Pejabat PEGUAM NEGARA dan JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI.
  
2. Di dalam kata alu-aluan, Yang Mulia Setiausaha Tetap mengongsikan bahawa sebahagian besar daripada ekonomi Negara Brunei Darussalam masih bergantung kepada projek-projek Kerajaan. Pada tahun 2017, aktiviti-aktiviti perolehan awam dianggarkan mencapai nilai 19 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar

(KDNK). Kadar ini perlu diberi perhatian mengambilkira ia bukan sahaja memberi impak kepada kecekapan penggunaan sumber Kerajaan melalui fungsi Kerajaan yang baik, tetapi juga kecekapan sektor-sektor yang terlibat di dalam rantai bekalan daripada input sehingga hasil. Kesemua aktiviti ini mempunyai impak kepada fungsi ekonomi yang baik. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mempunyai kesedaran, belajar untuk mengesan dan mencegah tipuan di dalam tender atau bidaan kolusif, yang boleh menyebabkan pelambungan harga dan penurunan kualiti barang dan perkhidmatan. Tipuan bidaan yang memberi impak kepada perolehan Kerajaan boleh menyebabkan kemudaratan kepada perbelanjaan Kerajaan.

3. Yang Mulia Setiausaha Tetap turut mengongsikan beberapa kes negara-negara OECD yang membuktikan bahawa penambahbaikan prosedur perolehan telah membawa kepada penjimatan yang signifikan di beberapa buah negara. Oleh yang demikian, dengan pengenalan Perintah Persaingan 2015, adalah penting untuk belajar dan memahami amalan tipuan bidaan bagi mengurangkan risiko tipuan bidaan dan menjaga perbelanjaan Kerajaan.
4. Ini adalah selaras dengan mandat yang dipertanggungjawabkan melalui Titah Kebawah Duli semasa Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara kali ke 11, yang menekankan keperluan bagi perkhidmatan awam untuk berbelanja secara berhemah dan memberikan tumpuan kepada keberkesanan kos. Tidak mempunyai proses perolehan yang berkesan bukan lagi pilihan dengan pengenalan Perintah Persaingan 2015. Ini merupakan salah satu keutamaan ke arah persiapan penguatkuasaan larangan Perintah Persaingan 2015. Walaupun pengesahan tipuan bidaan tidak mudah, apa yang dapat dibuat ialah belajar mengenainya dan mengambil langkah-langkah pencegahan serta memperbaiki kecekapan proses perolehan awam.
5. Sesi Advokasi telah disampaikan oleh pakar persaingan, Dr Hassan Qaqaya, mantan ketua Cawangan Dasar Persaingan dan Pengguna di United Nations Conference in Trade and Development (UNCTAD) dan Rakan Senior di Universiti Melbourne. Dengan pengalaman yang bedekad, Dr Hassan mencadangkan ketulusan bagi meningkatkan kecekapan proses perolehan awam dan keperluan pembangunan kapasiti dan latihan bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dengan perolehan barang dan

perkhidmatan untuk memastikan Kerajaan akan terus menerus mendapatkan barang dan perkhidmatan yang berkualiti dengan nilai harga yang terbaik serta mengekalkan perbelanjaan yang berhemah. Dr Hassan juga mencadangkan untuk meninjau kegunaan e-perolehan dan teknologi lain bagi menghindari sebarang amalan tender kolusif.

6. Sesi dianjurkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna pada hari Khamis, 1 November 2018 di Dewan Teater Kementerian Kewangan dan Ekonomi.